

Islam letak panduan jelas cegah mungkar

Antara nikmat Allah SWT terbesar yang dikurniakan kepada kita ialah iman dan Islam serta hidup dalam keadaan aman-damai. Namun kita jangan terlalu selesa dengan segala nikmat yang ada kerana al-Quran sering mengingatkan agar segala nikmat yang dikecapi tidak sampai digunakan untuk membuat perkara dimurkai Allah SWT.

Nikmat itu milik Allah SWT yang bila-bila masa sahaja boleh ditarik. Firman Allah SWT: *Dan Allah memberikan misalan; negeri yang aman damai dan tenteram, didatangi rezekinya yang mewah dari tiap-tiap tempat tetapi penduduknya mengkufturi nikmat Allah itu, maka Allah merasakannya kelaparan dan ketakutan disebabkan apa yang mereka lakukan.*” (Al-Nahl: 112)

Oleh itu antara amalan mulia adalah melaksanakan amar makruf dan nahi munkar, iaitu menyuruh kepada kebaikan dan melarang kemungkaran. Ia mesti dilakukan serentak agar kebaikan sentiasa subur dalam masyarakat dan kemaksiatan akan terpinggir serta tersisih.

Kewajipan itu ada yang layak dipikul pihak berwajib, manakala sebahagiannya kita sebagai individu mampu melakukannya. Kemuliaan tugas itu diiktiraf Allah SWT menerusi firman-Nya: *Kamu sebaik-baik umat dilahirkan bagi (faedah) manusia, (kerana) kamu menyuruh berbuat segala perkara baik dan melarang daripada*

mungka, serta kamu pula beriman kepada Allah.” (Ali-Imran: 110)

Dalam sistem pentadbiran negara Islam, tanggungjawab itu diserahkan kepada badan al-hisbah atau dalam konteks negara ini, ia boleh dikatakan seperti yang dilakukan bahagian penguatkuasaan undang-undang syariah di Jabatan Agama Islam Negeri.

Namun ada perkara yang kita sebagai individu mahupun ahli masyarakat menunaikan kerja mulia ini berdasarkan bidang masing-masing.

Ia penting demi kelangsungan dan kesinambungan menikmati tawaran Islam sebagai rahmatan lil A'lamين apabila dosa dan maksiat tidak berakar dalam masyarakat.

Garis panduan

Namun dalam melaksanakan amalan mulia itu, Islam meletakkan garis panduan jelas, iaitu orang melakukannya memiliki ilmu terhadap apa yang diperintahkan dan dilarang. Orang jahil terhadap sesuatu perkara atau hukum mengenainya, tidak halal melakukan amar makruf nahi munkar.

Antara garis panduan adalah larangan terhadap kemungkaran tidak boleh melahirkan kemungkaran baharu yang lebih besar seperti melarang orang minum arak hingga menyebabkan terjadi pembunuhan. Individu itu juga perlu memiliki dugaan kuat (ghalabatuz zan) bahawa perintahnya terhadap yang makruf

berpengaruh terhadap terwujudnya kemakrufan berkenaan, manakala dan larangannya terhadap mungkar, memang mampu menghilangkannya.

Islam juga melarang melakukan intipan seperti disebut dalam al-Quran: *“Wahai orang beriman! Jauhilah kebanyakan daripada sangkaan kerana sesungguhnya sebahagian sangkaan itu adalah dosa dan janganlah kamu (mengintip) mencari kesalahan orang.”* (Al-Hujurat: 12)

Pengecualian jika babit nyawa, maruah

Namun ulama seperti Imam Ramli, Imam al-Mawardi dan Imam Ghazali mengecualikan dalam perkara membabitkan nyawa dan maruah. Imam Ramli berkata: *“Tidak boleh seseorang untuk mencari-cari kesalahan dan melakukan tajassus serta memecah masuk ke dalam rumah berdasarkan sangkaan. Ya, jika berat sangkaannya berlaku maksiat sekalipun dengan petunjuk jelas seperti perkhabaran dari seorang lelaki dipercayai maka dibolehkan untuknya melakukan tajassus. Bahkan wajib ke atasnya untuk melakukan tajassus sekiranya dia kkuatir perkara itu terlepas dari pemerhatiannya seperti berlakunya pembunuhan dan perbuatan zina.”* (Nihayah al-Muhtaj: 4/47-49)

Imam Qadhi Iyadh pula menyatakan keharusan melakukan tajassus dalam keadaan apabila kita meninggalkan perbuatan itu, akan berlaku

pencerobohan terhadap kehormatan seseorang.

Contohnya apabila seseorang diberi khabar dari seorang lelaki yang dipercayai bahawa terdapat seorang lelaki yang berkhawat dengan lelaki lain dengan tujuan untuk membunuhnya atau dengan seorang perempuan yang ingin berzina dengannya, maka diharuskan dalam keadaan ini untuk melakukan tajassus. (Al-Ahkam al-Sulthaniyah)

Inilah antara asas diperkatakan dalam undang-undang jenayah syariah negeri yang memperuntukkan kesalahan bagi khalwat contohnya Perak melalui Seksyen 54: Khalwat.

Penambahbaikan prosedur pelaksanaannya dari semasa ke semasa amat baik tetapi perintah nahi munkar ini wajib diteruskan kerana ia usaha menjauhi kemurkaan Allah SWT.